



KEMENTERIAN PERPADUAN NEGARA
PERPUSTAKAAN NEGARA MALAYSIA

GARIS PANDUAN PENULISAN ARTIKEL PENERBITAN JURNAL SEKITAR PERPUSTAKAAN PERPUSTAKAAN NEGARA MALAYSIA

**GARIS PANDUAN PENULISAN ARTIKEL
JURNAL SEKITAR PERPUSTAKAAN NEGARA MALAYSIA (PNM)**

1.0 OBJEKTIF

Garis panduan ini disediakan sebagai panduan tatacara penulisan artikel untuk dimuatkan dalam Jurnal Sekitar Perpustakaan Negara Malaysia (PNM) terbitan Perpustakaan Negara Malaysia.

2.0 PENGENALAN

- 2.1 Sumbangan artikel bagi Jurnal Sekitar PNM adalah terbuka kepada semua kakitangan PNM, Pustakawan, Penyelidik, Pelajar dan orang awam.
- 2.2 Jurnal ini merupakan jurnal ilmiah yang mengandungi artikel dalam bidang kepustakawan, perpustakaan, teknologi maklumat dan komunikasi serta bidang lain yang berkaitan

3.0 SYARAT PENERIMAAN

- 3.1 Artikel yang ditulis merupakan karya asli penulis dan belum pernah diterbitkan dalam mana-mana penerbitan jurnal, prosiding atau seumpamanya sama ada di dalam atau luar negara.
- 3.2 Artikel hendaklah dihantar dalam bentuk salinan *softcopy* dan format *Microsoft Word* dan PDF seperti yang telah digariskan dalam Perkara 4.0 hingga Perkara 7.0.
- 3.3 Sekiranya penulis tidak menerima sebarang maklum balas daripada pihak kami dalam tempoh tiga (3) bulan selepas tarikh tutup, bermakna artikel berkenaan tidak dipilih untuk diterbitkan.

4.0 FORMAT PENULISAN

- 4.1 Semua artikel dan hasil kerja penyelidikan mestilah mengikut format yang ditetapkan dalam garis panduan ini.
- 4.2 Artikel ditulis sama ada dalam Bahasa Melayu atau Bahasa Inggeris.
- 4.3 Panjang artikel mestilah antara 4,000 hingga 7,000 patah perkataan tidak termasuk abstrak.
- 4.4 Artikel hendaklah bersaiz A4 dalam jarak langkau 1.0 (*single spacing*) dan menggunakan huruf *Arial* bersaiz 10.
- 4.5 Tajuk artikel perlulah ringkas dan padat. Nama penuh penulis artikel diletakkan di bawah tajuk berserta jawatan, nama institusi yang diwakili dan e-mel. Format bagi maklumat ini adalah seperti berikut:
 - a) Tajuk artikel:
 - saiz: 16 (*Times New Roman*)
 - *bold, uppercase* dan *centered*
 - b) Nama penulis:
 - saiz: 12 (*Arial*)
 - *bold* dan *uppercase* dan *centered*
 - c) Nama jawatan, institusi dan emel:
 - saiz: 9 (*Arial*)
 - *italic* dan *centered*
- 4.6 Abstrak merupakan sinopsis artikel yang ringkas, padat dan merangkumi aspek permasalahan, objektif, kaedah, dapatan dan kesimpulan. Jika artikel ditulis dalam Bahasa Melayu, maka abstrak turut ditulis dalam Bahasa Melayu atau sebaliknya. Format bagi penulisan abstrak adalah seperti berikut:
 - a) tidak melebihi daripada 250 patah perkataan
 - b) saiz 10 (*Arial*)
 - c) *justified*

- 4.7 Penulis perlu memberikan tiga (3) ke lima (5) kata kunci dan diletakkan di bawah abstrak.
- 4.8 Bahagian dalam artikel perlu mengandungi (jika perlu):
 - a) Pengenalan / *Introduction*
 - b) Pernyataan Masalah / *Problem Statement*
 - c) Tujuan Kajian / *Research Purpose*
 - d) Objektif Kajian / *Research Objectives*
 - e) Tinjauan Literatur / *Literature Review*
 - f) Metodologi Kajian / *Research Methodology*
 - g) Dapatan Kajian / *Findings*
 - h) Perbincangan / *Discussion*
 - i) Rumusan / *Conclusion*
 - j) Rujukan / *References*
 - k) Lampiran / *Appendix* (jika ada)

Tajuk bagi setiap bahagian artikel di atas perlu ditulis dalam format *bold, uppercase* dan huruf bersaiz 12, *Times New Roman*. Manakala tajuk kecil bagi setiap bahagian artikel pula perlu ditulis dalam format *bold, uppercase* dan huruf bersaiz 11, *Times New Roman*.

- 4.9 Jadual atau rajah hendaklah dinomborkan secara teratur bersama tajuk diatas jadual atau rajah seperti contoh Jadual 1: tajuk

5.0 RUJUKAN

Semua rujukan yang disebut dalam teks mestilah disenaraikan. Senarai rujukan tidak boleh mengandungi sumber-sumber yang tidak dirujuk dalam artikel. Senarai rujukan yang lengkap hendaklah menggunakan sistem penulis – tahun (*author - date*) mengikut abjad. Gaya penulisan rujukan adalah mengikut *American Psychological Association (APA) 7th Edition*. Rujukan pula ditulis menggunakan format normal, bersaiz 10 dan *justified*.

6.0 PENGHARGAAN (jika perlu)

Penghargaan ditulis tidak melebihi daripada 50 patah perkataan pada bahagian akhir artikel sebelum bahagian rujukan.

7.0 HAK CIPTA

Semua artikel yang diterbitkan dalam Jurnal Sekitar PNM adalah menjadi hak milik mutlak PNM. PNM berhak menerbitkan semula artikel ini dalam pelbagai bentuk untuk tujuan ilmiah. Penulis tidak dibenarkan mengeluar ulangan mana-mana bahagian artikel, ilustrasi dan isi karangan dalam apa juga bentuk sama ada secara elektronik, fotokopi, rakaman atau pelbagai cara lain sebelum mendapat kebenaran bertulis daripada ketua pengarah PNM.

8.0 PENYERAHAN ARTIKEL

Penulis dikehendaki melengkapkan borang seperti di **Lampiran A** dan **Lampiran B** yang telah disediakan dan mengemukakan bersama-sama artikel yang ditulis ke alamat e-mel penerbitan@pnm.gov.my atau ke alamat seperti berikut:

Koordinator Penerbitan
Jurnal Sekitar Perpustakaan,
Bahagian Komunikasi Korporat
Perpustakaan Negara Malaysia
Aras 12, Menara PNM,
232, Jalan Tun Razak,
50572 Kuala Lumpur, Malaysia.

8.1 Pembekalan Gambar Foto

Penulis perlu membekalkan foto, rajah, lukisan, peta dan ilustrasi secara berasingan dengan artikel dan bebas daripada pegangan hak cipta dari mana-mana pihak. Sumber perlu dinyakan jika diambil dari mana-mana bahan. Resolusi sekurang-kurangnya 300dpi.

9.0 PENUTUP

Penulisan bagi artikel jurnal mestilah mematuhi format yang telah digariskan dalam Perkara 4.0 hingga 7.0. Artikel yang tidak mematuhi format penulisan boleh ditolak tanpa diberi notis. Contoh artikel jurnal yang lengkap adalah seperti di **Lampiran 1**.

Lampiran A

BORANG MAKLUMAT PENULIS ARTIKEL

JURNAL SEKITAR PERPUSTAKAAN BIL.

TAJUK ARTIKEL:

PENULIS	NAMA (mengikut nama pada Kad Pengenalan)	NO. KAD PENGENALAN	JAWATAN/ GRED	ALAMAT TEMPAT BERTUGAS	ALAMAT RUMAH	EMEL	NO. TELEFON BIMBIT
Pertama							
Kedua							
Ketiga							
Keempat							
Kelima							

Lampiran A

BORANG MAKLUMAT PENULIS ARTIKEL

JURNAL SEKITAR PERPUSTAKAAN BIL.

TAJUK ARTIKEL:

PENULIS	NAMA (mengikut nama pada Kad Pengenalan)	NO. KAD PENGENALAN	JAWATAN/ GRED	ALAMAT TEMPAT BERTUGAS	ALAMAT RUMAH	EMEL	NO. TELEFON BIMBIT
Pertama							
Kedua							
Ketiga							
Keempat							
Kelima							

LAMPIRAN B



**KEMENTERIAN PERPADUAN NEGARA
PERPUSTAKAAN NEGARA MALAYSIA**

**PENGAKUAN PENULISAN ARTIKEL
JURNAL SEKITAR PERPUSTAKAAN NEGARA BIL.**

TAJUK ARTIKEL:

.....
.....

Saya bermombor kad pengenalan dengan ini mengakui bahawa:

1. Semua butiran diri yang diberikan adalah benar.
2. Artikel yang dihantar adalah hasil penulisan saya (sebagai penulis utama/bersama).
3. Bertanggungjawab sepenuhnya terhadap artikel yang dihantar dari segi ketepatan fakta dan bebas daripada unsur plagiat, terjemahan atau penyiaran di mana-mana penerbitan.
4. Bersetuju bahawa artikel ini akan menjadi milik penerbitan PNM untuk disunting, dicetak dan diterbitkan.

Tandatangan:

Tarikh:

Lampiran 1

PENGENALAN KEPADA KOLEKSI MALAYSIANA PERPUSTAKAAN NEGARA MALAYSIA

JASREENA JAMIL

Penolong Pengarah, Pusat Rujukan Malaysiana dan Luar Negara
Perpustakaan Negara Malaysia
jasreena@pnm.gov.my

ABSTRAK

Sebagai agensi yang bertanggungjawab dalam menjaga Koleksi Malaysiana, Perpustakaan Negara Malaysia (PNM) telah menjadi gedung segala memori sejarah dan kebudayaan serta pustaka dalam pelbagai bentuk bahan sama ada dalam bentuk cetak dan bukan bercetak mahupun digital. Koleksi Malaysiana adalah koleksi warisan negara dan Bangsa Malaysia yang harus dipelihara agar dapat menterjemah pencapaian Negara Malaysia dalam pelbagai bidang untuk dirujuk oleh generasi pada masa hadapan. Terdapat beberapa dasar yang diwujudkan dalam usaha memelihara dan memulihara khazanah Koleksi Malaysiana daripada hilang dan pupus tanpa dijaga dengan baik seperti Dasar Malaysiana, Dasar Hadiah dan Pertukaran, Dasar Koleksi Khas, Dasar Pendokumentasian Bahan Perpustakaan dan Dasar Pemuliharaan Bahan Perpustakaan. Antara Koleksi Malaysiana yang terdapat di PNM adalah Koleksi Monograf; Koleksi Terbitan Bersiri termasuk koleksi surat khabar dalam bentuk mikrofilm dan mikrofis; Koleksi Khas merangkumi Koleksi Nadir dan Koleksi Peribadi; Koleksi Fana; Arkib PNM; Peta dan Koleksi Terperingkat. Dalam usaha PNM untuk menjaga khazanah negara iaitu Koleksi Malaysiana bagi memperkenalkan kepada pengguna dalam dan luar negara maka, pelbagai usaha telah dan akan dilaksanakan oleh PNM. Antara usaha yang dilaksanakan adalah membangunkan sistem MyRepositori Digital PNM yang menghimpunkan Koleksi Malaysiana yang mudah diakses, membuat promosi secara berterusan, menyediakan sudut khas seperti Sudut Biblioterapi, menjalankan program/aktiviti berkaitan Koleksi Malaysiana, lengkap khas, mewujudkan koleksi gambar digital, memperbaikkan atau menyokong penyelidikan berkaitan Koleksi Malaysiana dan membuat pengesanan Koleksi Malaysiana (manuskrip) yang berada di luar negara untuk dibawa balik ke Malaysia. PNM sebagai agensi kerajaan yang bertanggungjawab dalam mengumpul, memelihara dan memulihara Koleksi Malaysiana sebagai khazanah negara akan dapat menjaganya sebagai salah satu aset terpenting negara.

Kata kunci: Koleksi Malaysiana, Malaysiana, Koleksi PNM

PENGENALAN

Perpustakaan Negara Malaysia (PNM) mempunyai peranan utama dalam menyimpan dan memperluaskan penggunaan koleksi terbitan dalam negara dan koleksi mengenai negara yang diterbitkan di luar negara. Koleksi tersebut dikenali sebagai Koleksi Malaysiana. Sebagai agensi yang bertanggungjawab dalam menjaga Koleksi Malaysiana, PNM telah menjadi gedung dalam menyimpan segala memori sejarah dan kebudayaan serta pustaka dalam pelbagai bentuk bahan sama ada dalam bentuk cetak dan bukan bercetak mahupun digital. Koleksi Malaysiana adalah koleksi warisan negara dan bangsa Malaysia yang harus dipelihara agar dapat menterjemah pencapaian negara Malaysia dalam pelbagai bidang untuk dirujuk oleh generasi pada masa hadapan.

Commented [P1]: •saiz: 16 (*Times New Roman*)
•bold, uppercase dan centered

Commented [P2]: •saiz: 12 (*Arial*)
•bold dan uppercase dan centered

Commented [P3]: •saiz: 9 (*Arial*)
•italic dan centered

Commented [P4]: •saiz: 12 (*Times New Roman*)
•bold, uppercase dan centered

Commented [P5]: •tidak melebihi daripada 250 patah perkataan
•saiz 10 (*Arial*)
•justified

Commented [P6]: 3–5 kata kunci

Commented [P7]: •saiz: 12 (*Times New Roman*)
•bold, uppercase dan centered

Dasar Negara Bagi Perpustakaan Dan Perkhidmatan Maklumat PNM

Terdapat beberapa dasar yang diwujudkan dalam memelihara dan memulihara khazanah Koleksi Malaysiana negara daripada hilang dan pupus tanpa dijaga dengan baik. PNM telah merangka dasar-dasar ini untuk menyokong Dasar Negara mengenai bahan Malaysiana. Dasar-dasar tersebut adalah seperti berikut:

i. **Dasar Malaysiana**

Dasar yang disediakan untuk memenuhi matlamat Dasar Negara bagi Perpustakaan dan Perkhidmatan Maklumat untuk memberi sumbangan yang berkesan kepada pembangunan negara serta membolehkan PNM berperanan sebagai titik tumpuan sistem maklumat negara serta berfungsi sebagai Pusat Kecemerlangan Maklumat Malaysiana. Dasar ini adalah selaras dengan keperluan Akta Penyerahan Bahan Perpustakaan, 1986 (Akta 331, Seksyen 3(1) iaitu untuk menyediakan bagi pemuliharaan dan penggunaan bahan perpustakaan yang diterbitkan di Malaysia.

ii. **Pengelasan Koleksi Malaysiana**

Koleksi Malaysiana disusun mengikut Pengelasan *Dewey Decimal Classification* (DDC). Pengelasan DDC selalunya digunakan secara umum dan mudah serta banyak digunakan di perpustakaan awam. Pengelasan DDC adalah seperti Jadual 1.

Commented [P8]: •saiz: 11 (*Times New Roman*)
•bold, uppercase dan centered

Jadual 1: Pengelasan Dewey Decimal Classification (DDC)

Bil.	Pengelasan	Koleksi Monograf Malaysiana meliputi semua bidang perkara
1.	000	Karya Am
2.	100	Falsafah dan Psikologi
3.	200	Ugama
4.	300	Sains Kemasyarakatan
5.	400	Bahasa
6.	500	Sains Tulen dan Matematik
7.	600	Teknologi/Sains Gunaan
8.	700	Kesenian
9.	800	Kesusasteraan
10.	900	Geografi, Sejarah dan Biografi

Commented [P9]: Dinomborkan secara teratur bersama tajuk diatas jadual atau rajah

Sumber: Pusat Rujukan Malaysiana dan Luar Negara, PNM (2020)

RUMUSAN

Rakyat Malaysia secara umumnya kurang mengetahui akan kewujudan Koleksi Malaysiana yang amat penting dan berharga serta pelbagai banyak disimpan di PNM yang boleh diakses sebagai bahan bacaan dan rujukan. PNM sebagai agensi kerajaan yang bertanggungjawab dalam mengumpul, memelihara dan memulihara Koleksi Malaysiana sebagai khazanah negara akan menjaganya sebagai salah satu aset terpenting negara. Dengan pelbagai usaha yang dilaksanakan melalui promosi dan usaha berterusan menyebarkan kewujudan bahan-bahan ini dari masa ke masa, pasti akan menyedarkan rakyat Malaysia mengenai Koleksi Malaysiana yang harus disimpan dan dijadikan rujukan sekaligus menjadikan mereka berminat untuk menggunakan sebagai bahan rujukan dan mengkaji koleksi tersebut. Greyling (2010) berkata, “A library with rich local contents collection will encourage the local community to make use of the library services”. Memupuk minat yang mendalam dalam kalangan generasi muda bakal menjadikan Koleksi Malaysiana sebagai salah satu koleksi yang amat penting kepada negara.

RUJUKAN

- Amanah Ahmad (1989). *Sumber-sumber maklumat di Malaysia dalam Bidang Malaysiana*. Sekitar Perpustakaan.
- Akta Penyerahan Bahan Perpustakaan 1986 (AKTA 331) (1986). Kuala Lumpur: Perpustakaan Negara Malaysia.
- Greyling, E. et al. (2010). *Content Development in an Indigenous Digital Library: A Case Study In Community Participation*. IFLA Journal, 36(1), 30-39.
- Johnson, B., & Christensen, L. (2000). *Educational research: Quantitative and qualitative approaches*. Allyn & Bacon.

Commented [P10]: •penulis – tahun (author - date)
mengikut abjad
•Gaya penulisan rujukan adalah mengikut American Psychological Association (APA) Edisi terkini.